

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [ JERAI ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan rasional mengecat semula semua bot menangkap ikan memandangkan kos terlibat membebankan nelayan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah menetapkan syarat warna rumah kemudi mengikut negeri dalam usaha membantu Agensi Pengawalkuasaan Maritim memantau pengoperasian semua vesel penangkapan ikan tempatan (tidak termasuk sampan) melalui kaedah pengecaman selain daripada penggunaan kod pendaftaran vesel.
- Kaedah ini juga telah mendapat pengiktirafan daripada *Food and Agriculture Organisation* (FAO) dan seterusnya mengangkat Malaysia sebagai salah satu negara terbaik dalam pengurusan vesel penangkapan ikan. Penetapan warna rumah kemudi adalah seperti berikut:

Negeri	Warna Rumah Kemudi
A. Semenanjung Malaysia	
1. Perlis	Biru Tua
2. Kedah	Merah Tua

**SOALAN NO : 392**

	3.	Pulau Pinang	Biru Muda
	4.	Perak	Kuning Tua
	5.	Selangor	Merah Muda/Jingga
	6.	Negeri Sembilan	Hijau Tua
	7.	Melaka	Unggu
	8.	Johor Barat	Biru Tua
		Johor Timur	Biru Muda
	9.	Pahang	Kuning Muda
	10.	Terengganu	Hijau Muda
	11.	Kelantan	Merah Tua
B.	B. Sarawak		
	12.	Wilayah 1 (Kuching)	Hijau
	13.	Wilayah 2 (Sibu)	Biru
	14.	Wilayah 3 (Miri)	Kuning
C.	C. W.P. Labuan		Merah
D.	D. Kenka 2 Bot (Perak)		Kuning dan Merah

3. Dalam usaha memudahkan penguatkuasaan sampan berlesen dan tidak berlesen serta mengelakkan pencerobohan sampan ke negeri lain bagi menangkap ikan, DOF bercadang untuk menyeragamkan warna sampan mengikut warna rumah kemudi vesel. Sesi libat urus bersama pemilik lesen sampan telah diadakan dalam tahun 2019. Peruntukan bagi melaksanakan cadangan ini akan dipohon dalam RMKe-12 bagi membantu mengurangkan kos kepada pemilik sampan.

4. Pada masa ini, Kerajaan tidak pernah mengeluarkan apa-apa arahan kepada nelayan untuk mengecat semula semua vesel penangkapan ikan kerana sememangnya perkara ini akan membebankan nelayan khususnya pemilik sampan.

Sekian, terima kasih.